

# UMSLink International

## Precint dibangun tahun depan

DE 24/7/2011 3

**Hayati Dzulkifli**

KOTA KINABALU: Cabang perdagangan Universiti Malaysia Sabah, UMS Link Holdings Sdn Bhd akan mula membangunkan projek yang dikenali sebagai UMSLink International Precint di Alamesra bersebelahan 1Borneo Hypermall pada Februari tahun depan.

Pengaruhnya Prof Dr. Roselina Ahmad Saufi berkata, projek RM172.2 juta, yang akan dibina di tapak seluas lima ekar di Alamesra itu akan menampilkan gaya antarabangsa, menempatkan lebih 2,000 kediaman, terutamanya dengan kehadiran pelajar antarabangsa UMS.

Beliau berkata, projek itu juga akan menempatkan pelajar sepenuh masa dan separuh masa UMS serta pelajar lepas ijazah untuk menjalankan pengajian mereka di sekitar kawasan precint itu.

Projek ini dimajukan berdasarkan konsep 'Beli, Bina, Sewa dan Pindah (PBLT)' di mana lima daripada 265 ekar di Alamesra kepunyaan Lintasan Mayang Development Sdn Bhd akan dibeli oleh pemaju projek, GoldenMas Development Sdn Bhd.

"Kemudiannya, pemaju itu akan menyewakan projek itu kepada UMS Link Holdings Sdn Bhd selama 30 tahun sebelum memindahkan pemilikan tanah itu kepada kami," katanya.

Roselina berkata demikian kepada wartawan selepas menandatangi perjanjian jual beli (S&P) bagi tapak lima ekar itu yang diadakan di ibu pejabat Lintasan Mayang Development Sdn Bhd di Alamesra, dekat sini pada Jumaat.

Pengarah Eksekutif Lintasan Mayang Development Sdn Bhd, Eddie Chai bertukar-tukar dokumen S&P dengan Pengarah projek GoldenMas Development Sdn Bhd, Willy Lee.

Turut hadir ialah Pengurus Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd Datuk K.Y.Mustafa, Pengurus Kanan Kumpulan Perkhidmatan Korporat, Guaman & Pentadbirannya Yusak Yumboris@ Misek dan pengarah GoldenMas Development Sdn Bhd Lee Ah Soo @ Lee Ah Leh.

Roselina berkata, projek itu akan termasuk menara UMSLink, menara pelajar, sebuah hotel butik, pusat perubatan, apartmen perkhidmatan dan kemudahan asal lain seperti gimnasium, kedai runcit dan kemudahan rekreasi.

"Untuk permulaan kita mensasarkan untuk membina menara UMSLink, pejabat korporat dan apartmen perkhidmatan, apabila pembinaan projek itu bermula pada Februari tahun depan. Projek itu dijadualkan siappada 2015.

"Apabila siap, projek itu akan menampilkan gaya dan standard antarabangsa di mana para pelajar asing UMS akan tinggal di kawasan precint itu dan pelajar UMS juga boleh menjalankan praktikal mereka dalam pengurusan hotel atau perubatan di hotel butik dan pusat perubatan tersebut," katanya, sambil menambah, UMS menerima masuk antara 600 hingga 800 pelajar asing setiap tahun.

Sementara itu, pengarah projek GoldenMas Development Sdn Bhd Willy Lee berkata, syarikat itu akan menjana hamipir RM700 juta daripada hasil sewa perjanjian 30 tahun projek itu sebelum menyerahkannya kepada UMSLink Holdings Sdn Bhd.